

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER III
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS : KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS : DAC 31802
PROGRAM : 3 DAA
TARIKH PEPERIKSAAN : MEI 2013
JANGKA MASA : 2 ½ JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM BAHAGIAN A DAN
JAWAB DUA (2) SOALAN
SAHAJA DALAM BAHAGIAN B

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH (7) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

S1. Jelaskan isi kandungan dokumen tender berikut:

- (a) Arahan kepada petender
- (b) Jadual kadar harga
- (c) Surat Setuju terima tender
- (d) Senarai Kuantiti
- (e) Spesifikasi

(20 markah)

S2. Dalam pelaksanaan kontrak binaan, lazimnya klien akan menggunakan Borang Kontrak Piawai.

- (a) Senaraikan **tiga (3)** jenis borang kontrak piawai yang digunakan dalam industri pembinaan di Malaysia

(3 markah)

- (b) Nyatakan **tiga (3)** kelebihan menggunakan borang kontrak piawai

(9 markah)

S3. Terangkan elemen-elemen kos berikut:

- (a) Bahan
- (b) Buruh
- (c) Loji dan peralatan
- (d) Keuntungan

(12 markah)

S4. Hubungkan jenis kontrak berikut dengan dokumen tender:

- (a) Kontrak berdasarkan senarai kuantiti
- (b) Kontrak berdasarkan lukisan dan spesifikasi

(6 markah)

BAHAGIAN B

S5. (a) Rajah S5 merupakan satu Iklan Tender.

(i) Apakah tujuan iklan tender dibuat?

(3 markah)

(ii) Nyatakan kategori tender bagi iklan tender tersebut.

(2 markah)

(iii) Kenalpasti **lima (5)** maklumat yang perlu ada dalam iklan tender dan jelaskan kepentingannya.

(15 markah)

(b) Senaraikan **lima (5)** faktor yang dipertimbangkan untuk memilih kontraktor yang berkeelayakkan.

(5 markah)

S6. (a) Rajah S6 merupakan satu perincian struktur rasuk bumi. Berdasarkan lukisan tersebut, kirakan kuantiti item berikut;

(i) Kerja penggalian

(ii) Kerja konkrit

(22 markah)

(b) Ketika pemeriksaan kerja pembinaan dijalankan, Syarikat Tee Lam Sdn. Bhd telah menerima arahan perubahan secara lisan daripada pihak P.P. Adakah pihak Tee Lam Sdn. Bhd terikat untuk melaksanakan kerja arahan perubahan tersebut? Jelaskan.

(3 markah)

- S7. (a) **Rajah S7** merupakan lakaran sebuah bangunan setingkat dengan bumbung rata yang akan dibina. Berdasarkan maklumat kos bangunan terdahulu, sediakan anggaran kos bangunan dengan menggunakan kaedah luas lantai dan kaedah isipadu.

Maklumat projek lepas

- Jenis bangunan : Bangunan setingkat
- Kos sebenar : RM 800,000.00
- Keluasan lantai : 1,200m²
- Ketinggian dinding : 3.2m
- Isipadu bangunan : 5,400m³

(14 markah)

- (b) Fasal 28 Borang Kontrak JKR 203A menyatakan pihak klien perlu membuat bayaran kepada kontraktor terhadap kerja-kerja pembinaan yang telah dilaksanakan.

- (i) Sebelum pembayaran dibuat, apakah yang harus dilakukan oleh pihak klien?

(2 markah)

- (ii) Terangkan perkara-perkara yang diambil kira untuk mendapatkan jumlah bayaran kepada kontraktor.

(9 markah)

- SOALAN TAMAT -

**PEPERIKSAAAN AKHIR
FINAL EXAMINATION**

SEMESTER / SESI <i>SEMESTER / SESSION</i>	: SEM III / 2012/2013	PROGRAM	: 3 DAA
KURSUS <i>COURSE</i>	: KONTRAK DAN TAKSIRAN	<i>PROGRAMME</i> KOD KURSUS	: DAC 31802 <i>COURSE CODE</i>



KERAJAAN NEGERI JOHOR

**KENYATAAN TAWARAN
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR

1. Tawaran ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

TENDER NO. : JPS/N/J/SB/1/2011

**PROJEK SALIRAN BANDAR PARIT SULONG
MEMBINA DAN MENYIAPKAN SALIRAN UTAMA PARIT SULONG PAKEJ III
DI PEKAN PARIT SULONG, BATU PAHAT, JOHOR.**

2. Kontraktor-Kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan:-
- i) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Kelas "B" di bawah Kepala 1, Sub-Kepala 1, 7(a) dan 7(b) dan
 - ii) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
3. Segala butiran dan dokumen tender akan dipamerkan semasa waktu pejabat di **PEJABAT PENGARAH PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI JOHOR DAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, DAERAH BATU PAHAT, JALAN BAKAU CHONDONG, BATU PAHAT, JOHOR** mulai dari **22 April 2013**.
4. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang ditauliahkan atau yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliahkan seperti Sijil Pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan **surat ASAL** Pengiktirafan Taraf Bumiputera, jika ada serta Perakuan Pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
5. Potender yang ingin memasuki tender di atas adalah dikehendaki mengeluarkan wang pos/wang kiriman pos/draf bank berharga **RM250.00** yang dibuat atas nama **Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Batu Pahat** sebagai bayaran dokumen tender yang mana bayaran itu tidak akan dikembalikan.
6. Lawatan ke tapak pembinaan adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan membeli dan mengemukakan dokumen tender. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada hari **ISNIN 22 April 2013** jam **9.30 pagi** di Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Batu Pahat, Jalan Bakau Chondong, Batu Pahat.
7. Tender ini akan ditutup pada **HARI ISNIN 20hb MEI 2013**. Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, Aras 4B, Blok C2S Timur, Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Johor (ISNAC), 79000 Nusajaya, Johor Darul Takzim tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.

RAJAH S5 : IKLAN TENDER

PEPERIKSAAAN AKHIR
FINAL EXAMINATION

SEMESTER / SESI
SEMESTER / SESSION
KURSUS
COURSE

: SEM III / 2012/2013


: KONTRAK DAN TAKSIRAN

PROGRAM
PROGRAMME


KOD KURSUS
COURSE CODE

: 3 DAA

: DAC 31802



Ground Beam layout (n.t.s)



Ground Beam Detail (n.t.s)

Notes:

- i. Concrete to ground beam shall be of Grade 20
- ii. Lean concrete shall be of Grade 7
- iii. Provide 50mm thick lean concrete under all ground beam.

RAJAH S6 : STRUKTUR RASUK BUMI

PEPERIKSAAAN AKHIR

FINAL EXAMINATION

SEMESTER / SESI
SEMESTER / SESSION

: SEM III / 2012/2013

PROGRAM
PROGRAMME


: 3 DAA

KURSUS
COURSE


: KONTRAK DAN TAKSIRAN

KOD KURSUS
COURSE CODE

: DAC 31802



PELAN LANTAI (n.t.s)



PANDANGAN SISI (n.t.s)

RAJAH S7 : LAKARAN BANGUNAN